




**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 2/2011
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Alhamdulillah, di atas izin Allah Subhanahu Wataala kita melangkah ke tahun baru Masihi 2011 dengan penuh gembira dan bersyukur. Melangkahnya kita ke tahun baru ini, sewajarnya diiringi dengan tekad untuk memperbaharui azam, semangat dan iltizam yang lebih tinggi bagi memantapkan lagi peranan perkhidmatan awam selaku tunjang dan nadi penggerak kepada pembangunan sosio-ekonomi negara ini. Ke arah ini, konsep hijrah pembaharuan perlu dipraktikkan dengan menanamkan resolusi baru untuk membuat perubahan yang terancang dan terarah disamping menanai mandat dan amanah dengan penuh wibawa dan dedikasi.

Mengimbas tahun 2010, beberapa inisiatif pembaharuan telah berjaya dilaksanakan termasuk penubuhan Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD), dan Autoriti untuk Kawalan Bangunan dan Industri Pembinaan (ABCi). Selain daripada itu, peraturan baru berkaitan cuti beranak juga diperkenalkan yang bukan sahaja dikhususkan bagi warga perkhidmatan awam malahan juga dilaratkan perlaksanaannya bagi warga sektor swasta. Inisiatif seumpama ini jelas mencerminkan keperihatinan perkhidmatan awam negara ini untuk membuat perubahan dan pembaharuan demi memenuhi ekspektasi dan tuntutan semasa.

Di arena antarabangsa, pencapaian negara dapat dilihat melalui pengiktirafan yang diberikan oleh organisasi seperti World Bank dan International Finance Corporation (IFC) melalui laporannya mengenai 'Ease of Doing Business' bagi 2011 bilamana negara ini menduduki tempat ke sepuluh daripada 183 negara sebagai negara yang menunjukkan peningkatan dari segi peraturan perniagaan. Disamping itu, melalui laporan World Bank's Worldwide Governance Indicator (WGI) baru-baru ini, negara ini telah diletakkan sebagai salah sebuah negara teratas dirantau ini yang menerajui prinsip-prinsip 'good governance'. Pencapaian seumpama ini bukan sahaja sangat dialu-alukan, malah perlu dipertahankan dan dipertingkatkan lagi demi meyakinkan lagi para pengusaha sektor swasta dan juga pelabur-pelabur asing untuk membuat pelaburan di negara ini.

Dalam kita merangka agenda pembaharuan bagi tahun 2011 ini, apapun bentuk pengalaman yang dilalui pada tahun 2010, seharusnya dijadikan ukuran dan pengajaran agar kita menjadi lebih baik dari sebelumnya. Kita menapak di dekad yang penuh cabaran, yang menghendaki kita untuk menilai semula sejauh mana kita telah melakukan perubahan dan pembaharuan yang berteraskan kepada pemikiran yang inovatif dan kreatif; sejauh mana penghayatan kita terhadap nilai-nilai dan etika kerja yang positif; dan sejauh mana kita telah memanfaatkan kaedah atau pendekatan pengurusan untuk mencapai matlamat strategik serta 'key performance indicators' yang telah di rangka.



Kita selaku warga perkhidmatan awam perlu senantiasa menanamkan sifat setia dan semangat padu yang berteraskan ciri-ciri mulia, integriti terpuji, tanpa pilih kasih dan tanpa rasuah ke arah memelihara imej dan kredibiliti perkhidmatan awam dan juga negara. Dalam menjalankan tugas, semua peringkat warga perkhidmatan awam mempunyai tanggungjawab untuk melaksanakannya dengan tegas, bijaksana dan dengan mematuhi peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa agar usaha-usaha dapat bergerak dengan efisien dan efektif, dan seterusnya menjurus kepada pencapaian aspirasi dan objektif Wawasan 2035. Tanpa adanya sifat-sifat murni ini, secanggih manapun pendekatan, kaedah atau sistem reformasi yang diperkenalkan tidak akan dapat dilaksanakan dengan sempurna dan teratur.

Pada kesempatan ini, Jabatan Perdana Menteri ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua lapisan warga perkhidmatan awam termasuk mereka yang bertugas di Kedutaan-Kedutaan Besar dan Suruhanjaya-Suruhanjaya Tinggi Negara Brunei Darussalam serta agensi-agensi Kerajaan di luar negara, atas segala usaha dan sokongan yang diberikan serta taat setia yang tidak berbelah bahagi terhadap Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Akhir sekali, marilah kita sama-sama berdoa semoga usaha-usaha murni kita akan sentiasa dirahmati dan diberkati demi meningkatkan taraf kesejahteraan, kemakmuran serta keamanan negara ini, InsyaAllah.

"Akhlak Mulia, Kehidupan Sempurna"

[HAJI MOHD 'ABDOH BIN DATO SERI SETIA HAJI ABDUL SALAM]

Setiausaha Tetap
Jabatan Perdana Menteri

Jabatan Perdana Menteri
Istana Nurul Iman
Bandar Seri Begawan BA1000
Negara Brunei Darussalam

Rujukan: (2) JPM/SK/2011
Tarikh: 8 Safar 1432/13 Januari 2011